

Newspaper	Berita Harian
Date	6/1/2013

Analogi amanat Hadi dan ajaran sesat

BH-6/1/2013



MIOR KAMARUL SHAHID

mikamarul@nstp.com.my

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@nstp.com.my

Pengarang Kumpulan BH
Datuk Mior Kamarul Shahid
mkamarul@nstp.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan BH
Mahfar Ali
mafah@bharian.com.my

Pengarang Eksekutif Berita Norhayati Md Said
yatisaid@bharian.com.my

Pengarang Eksekutif Rencana Zainor Said
zaino@bharian.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran Badrulhisham Othman
baneta@bharian.com.my

BH Ahead diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur, Tel: 1-300-22-6787 Faks: 03 20567081 Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: bh@bharian.com.my

Bila ada ura-ura membenarkan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang muncul di televisyen untuk menjelaskan tuduhan yang dibuatnya pada 1981 bahawa UMNO kafir, ramai pihak yang tidak bersetuju. Mereka yang membantah idea itu termasuklah tokoh-tokoh Islam yang berpendapat ia boleh memburukkan lagi keadaan dan lebih mengelirukan. Kebanyakan mereka hanya bersetuju jika penjelasan mengenai amanat Hadi itu dibuat secara tertutup.

Tentunya Hadi tidak bersetuju jika diadakan secara tertutup kerana cara itu tidak menguntungkan mereka dari segi politik. Jika dibuat pungutan undian pendapat juga, rasanya majoriti rakyat tidak setuju penjelasan di televisyen itu kerana matlamat berbuat demikian tidak jelas. Pada mereka amanat Hadi itu adalah mengarut dan tidak perlu dilayan. Analoginya sama memberi peluang kepada guru ajaran sesat muncul di televisyen.

Apakah perlunya memberi layanan kepada pemimpin ajaran sesat itu memberi penjelasan mengenai ajaran yang sudah dikenal pasti sesat. Apa perlunya 'tidak ada beban, batu digalas', elok-elok tidak ada masalah, cari masalah pula. Dengan pembatalan idea penjelasan amanat Hadi di televisyen itu, tidak ada pun pihak yang marah atau kecewa. Jika ada pun, hanyalah segelintir saja daripada PAS.

Mengeruhkan lagi hubungan sesama Islam

Mereka yang menyokong penjelasan ini di televisyen ialah orang PAS saja. Mereka akan menyokong apa saja yang dilakukan oleh pemimpin parti kerana taksu. Mereka yang menganggap PAS tidak betul, ramai yang sudah keluar parti. Majoriti rakyat juga tidak setuju dengan usaha itu kerana mereka tidak nampak alasan yang benar-benar kukuh mengapa Hadi perlu diberi ruang sebegitu luas untuk berbuat. Satu kepastian, kesan daripada usaha itu akan mengeruhkan lagi hubungan sesama Islam.

Hadi tidak ada alasan untuk menuduh UMNO kafir berasaskan hubungan parti itu dengan parti-parti bukan Islam lain. Jika PAS tuduh UMNO kafir, maknanya parti itu lebih kafir kerana bekerjasama dengan DAP. Tidak ada alasan yang boleh diterima bahawa UMNO kafir kerana hubungannya dengan parti bukan Islam sedangkan Islam PAS tidak terjejas walaupun bekerjasama dengan parti bukan Islam.

PAS memang sering memberi jawapan 'double standard' terhadap beberapa persoalan sebelum ini. Apa saja dilakukan PAS boleh belaka, manakala kalau ia dilakukan oleh Barisan Nasional (BN) atau UMNO, semuanya salah dan tidak Islam. Isu hari ini ialah siapakah yang harus bertanggungjawab mengenai perpecahan keluarga dan umat Islam di negara ini?

Siapa yang menjadi punca berlakunya perceraian suami isteri, pergaduhan keluarga dan pelbagai kejadian lain berpunca daripada amanat Hadi. Pengerusi DAP, Karpal Singh terang-terang menentang pelaksanaan negara Islam dan hukum hudud di negara ini. Apakah umat Islam boleh terima sikap PAS yang dengan sewenang-wenangnya mengeluarkan amanat yang cenderung kepada kepentingan politik mereka. Pemimpin PAS seolah-olah melihat orang Islam di Malaysia buta hukum agama.

Musuh Islam tunggu peluang

Sekali dibenarkan muncul di televisyen sekali pun, Hadi tidak mungkin dapat menjelaskan amanatnya itu. Mustahil beliau dapat menyatukan orang Melayu semula setelah amanat beliau itu menjadi punca kepada perpecahan orang Melayu-Islam. Dengan mencari justifikasi terhadap tuduhannya itu hanya akan melebarkan perpecahan orang Melayu. Dengan memberi ruang muncul di televisyen bermakna memberi ruang kepada pembangkang untuk mengelirukan lagi pemikiran rakyat. Sudahlah mendapat ruang, bercakap apa saja yang terpendam di hati, media cetak juga akan menjadikannya sebagai bahan berita sensasi.

Jika kenyataannya itu menyebabkan perpecahan Islam yang lebih besar, sudah tentu ia akan digunakan secara meluas. Musuh-musuh Islam hanya menunggu peluang untuk memburukkan Islam. Dalam keadaan perpecahan sesama umat Islam di dunia hari ini, mereka akan mengambil peluang untuk memburukkan lagi keadaan. Musuh-musuh Islam tidak payah bersusah payah untuk mengeruhkan keadaan kerana umat Islam yang memecah-belahkan diri mereka sendiri.

Jika Hadi mahu menjelaskan amanatnya itu, beliau boleh menggunakan saluran media PAS dan pembangkang. Mereka mempunyai akhbar dan saluran televisyen internet. Mereka tidak melakukannya kerana tidak ada penjelasan yang boleh diberikan. Sekiranya Hadi mempunyai penjelasan, beliau boleh berbuat demikian sudah lama dulu.